

Bajet 2017 dilulus tanpa pindaan

UM 23/11

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 berjumlah RM260.8 bilion yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 21 Oktober lalu diluluskan Dewan Rakyat tanpa sebarang pindaan, malam ini.

Bagaimanapun, proses kelulusan rang undang-undang itu terpaksa dibuat melalui undi belah bahagian selepas 15 Ahli Parlimen pembangkang meminta berbuat demikian yang menyaksikan 105 menyokong berbanding 73 menolak dan seorang tidak mengundi.

Yang turut hadir pada sesi

pengundian berkenaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Sebelum itu, bacaan kali ketiga rang undang-undang tersebut dibentangkan Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani dan disokong Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim.

"Selepas undian belah bahagian, keputusan yang tidak mengundi seorang, tidak setuju 73 ahli dan setuju seramai 105 ahli," umum Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia sambil diiring

tepukan meja oleh wakil rakyat Barisan Nasional (BN).

Pada 7 November lalu, ketika diluluskan di peringkat dasar, Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 turut melalui proses undi belah bahagian yang menyaksikan Pas mengambil pendirian berkecuali.

Pada sesi pengundian ketika itu, hanya Datuk Mahfuz Omar (Pas-Pokok Sena) yang mengundi menentang Bajet 2017, manakala Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) dan Wan Hassan Mohd. Ramli (Pas-Dungun) tidak hadir ke Dewan.